

22 tahun Dr. M dicemari kontroversi kewangan, kronisme - Anwar

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwaan beliau memfitnah Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu bahawa bekas Perdana Menteri itu menggunakan kedudukannya untuk mengumpul kekayaan peribadi dan keluarga serta bersifat perkauman ketika berkuasa selama 22 tahun.

Perdana Menteri menegaskan, tempoh pentadbiran Dr. Mahathir dicemari pelbagai kontroversi kewangan termasuk *bail-out* dan dasar penswastaan yang memberi manfaat kepada individu-individu terpilih berbanding masyarakat Melayu.

Ahli Parlimen Tambun itu berkata, meskipun kerajaan



ANWAR IBRAHIM

mengumumkan tidak akan *bail-out* syarikat-syarikat yang bermasalah ketika Krisis Kewangan Asia 1997, Petroliam Nasional Berhad (Petronas) te-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

lah menyelamatkan Konsortium Perkapalan Berhad (KPB).

KPB kini dikenali sebagai Pos Logistics Berhad yang mana anak sulung bekas Perdana

Menteri, Mirzan ketika itu adalah pengarah dan pemegang saham majoriti.

Anwar yang juga Presiden PKR turut menegaskan, pada 6 Mac 1998, Petronas mengumumkan untuk mengambil alih aset-aset perkapalan KPB atas arahan Dr. Mahathir walaupun beliau (yang ketika itu Menteri Kewangan) membantahnya.

Menurut Anwar, bekas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) itu mengarahkan beliau mencipta satu skim khas bertujuan mengeluarkan kira-kira RM2 bilion daripada Perbendaharaan untuk membantu KPB.

Ujar Perdana Menteri, beliau memaklumkan kepada Dr. Mahathir bahawa jika cadangan itu diteruskan, Perbendaharaan

perlu membentangkan satu belanjawan tambahan kepada Parlimen untuk kelulusan.

“Plaintif (Dr. Mahathir) ternyata kecewa dengan jawapan saya dan menekankan bahawa ia akan memalukan Mirzan dan beliau sendiri jika perkara tersebut dibentangkan kepada Parlimen untuk dibahaskan,” ujar Anwar dalam pembelaannya yang difailkan kelmarin melalui Tetuan Thomas Philip.

Pada 3 Mei lalu, Anwar disaman oleh Dr. Mahathir bagi menuntut ganti rugi RM150 juta atas dakwaan memfitnah berhubung ucapan dasar yang dibuat oleh bekas timbalannya itu pada Kongres Nasional Khas 2023 pada 18 Mac lalu.

Anwar memohon tuntutan saman itu ditolak dengan kos.